

Khairy tak pernah tanya hal projek

KM Pulau Pinang tegaskan hanya bincang politik

Oleh Wan Jailani Razak, Saufi Hamzah dan Sazarina Shahrin

GEORETOWN: Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, menegaskan Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin, tidak pernah bertanya mengenai sebarang projek dalam perbualan telefon antara mereka berdua.

"Beliau tidak pernah sebut mengenai projek. Bukan hal projek, sebaliknya ia lebih berkisar kepada pelbagai hal berkaitan politik tanah air dan soal peribadi katanya kepada pemberita di sini, semaleni.

Koh berkata demikian ketika diminta mengulas jawapan Khairy terhadap dakwaan kononnya beliau sering menelefon menteri besar atau ketua menteri untuk memberi arahan serta campur tangan dalam urusan pentadbiran.

Naib Ketua Pemuda itu dipetik sebagai berkata, beliau tidak pernah menghubungi dan memberi arahan kepada pemimpin negeri dan menyifatkan perbuatan berkenaan sebagai sesuatu yang tidak masuk akal.

"Bagaimanapun saya kena adil... saya tidak boleh bercakap bagi pihak orang lain. Saya tak boleh tanya semua menteri besar dan saya juga

bukan jurucakap untuk menteri besar," kata Koh.

Bagaimanapun katanya, beliau memang mengenali Khairy Sejak 11 tahun lalu, berkawan dengan Naib Ketua Pemuda Umno itu malah pernah bekerjasama untuk selesaikan beberapa isu politik.

"Saya kenal dia sebelum dia kerja sebagai pembantu kepada Perdana Menteri lagi. (Dulu) beliau aktif sebagai pemimpin pelajar Malaysia di United

Kingdom," katanya sambil menjelaskan Khairy pernah menemu bual dan menulis rencana mongenainya.

Koh berkata, beliau juga ada berhubung menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS) dengan Khairy mengenai perkara peribadi dan hal ehwal politik termasuk bagaimana untuk menyelaraskan sesuatu perkara.

"Memang kadangkala kita berbincang untuk mencari langkah bertindak balas terhadap sesuatu isu. Bukan arahan ketika berbincang, saya beri pandangan saya dan beliau (Khairy) mengulas," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Biro Agama Pemuda Umno, Datuk Shamsul Najmi Shamsuddin, berkata pihak yang memfitnah Khairy dianggap sama seperti rejim Zionis yang kini melakukan kekejaman terhadap penduduk Lubnan dan Palestin.

"Memfitnah orang ini kerja zionis. Mereka ini memang terkenal suka memfitnah, jadi mereka yang melakukan fitnah terhadap Khairy boleh dianggap sama seperti Zionis," katanya di ibu negara, semalam.

Shamsul Najmi berkata, fitnah yang dilemparkan terhadap Khairy adalah tidak adil kerana bakat kepimpinan beliau terserlah sejak menjadi Exco Pemuda lagi.

Kalau nak kata kami tidak berhubung langsung, itu tak betul tapi kami bercakap mengenai hal politik dan saya tidak pernah dihubungi Khairy untuk menerima arahan"

Dr Koh tsu Koon
Ketua Menteri Pulau Pinang